



# فَرَادَانِ يِكَّا چِيَقْتَانِمِ خَاصَّةً لِعُوكَ سَمْبُونَ أَوَلَ تَاهُونَ هِجْرَةٍ

PERADUAN REKACIPTA NAMA KHAS DAN LOGO SAMBUTAN AWAL TAHUN HIJRAH

## BORANG PENYERTAAN

Nama	Rumi				
	Jawi				
No. Kpp			Warna		
Kerakyatan			Bangsa		
Tarikh Lahir			Umur		
Alamat Persuratan					
Pekerjaan					
Alamat Tempat Bertugas / Alamat Tempat Pengajian (Jika Penuntut)					
No. Telefon	(HP)	(R)		(P)	
E-Mail					
Tandatangan			Tarikh		

### Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja

Nama Penerima			
Tandatangan		Tarikh	
<b>Kod Nombor Peserta</b>			

Tempat menghantar borang:

Urus Setia Peraduan Rekacipta Nama Khas dan Logo Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah di Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis, Berakas, BB3910, Negara Brunei Darussalam.

Nota: Tarikh tutup penyertaan, hari Khamis, 04 MAC 2021M, jam: 4.00 petang.



# فَرَادْوَانِ يِكَّا چِيْقَتَانِمِ خَاصَّةً لِعُوكَنِ سَبُونِ أَوْلَ تَاهُونِ هِجْرَةٍ

## PERADUAN REKACIPTA NAMA KHAS DAN LOGO SAMBUTAN AWAL TAHUN HIJRAH

### 1. Syarat Penyertaan

- 1.1. Peraduan ini terbuka kepada seluruh rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam (lelaki dan perempuan).
- 1.2. Setiap peserta dibenarkan menghantar seberapa banyak penyertaan dengan menyertakan satu borang lengkap bagi setiap penyertaan.
- 1.3. Nama khas serta logo hendaklah karya asal peserta itu sendiri.
- 1.4. Semua hasil yang dihantar dengan sendirinya menjadi hak milik sepenuhnya penganjur dan penganjur mempunyai hak untuk mengubahsuai nama khas dan logo yang direkacipta oleh peserta.
- 1.5. Tidak dibenarkan menulis nama atau sebarang pengenalan diri dalam hasil rekacipta yang dihantar.
- 1.6. Nama khas serta reka bentuk logo termasuk simbol dan warna hendaklah dilengkapi dengan penjelasan dan rasional dalam Bahasa Melayu (dalam tulisan Jawi atau Rumi) yang tidak melebihi daripada 500 patah perkataan.
- 1.7. Penjelasan dan rasional nama khas dan logo hendaklah disertakan secara berasingan.
- 1.8. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan, kerosakkan atau kecacatan pada hasil kerja yang dihantar.
- 1.9. Semua rekacipta hendaklah dihantar dalam bentuk;
  - Hardcopy dicetak dalam bentuk potret diatas kertas A4 tanpa lukisan latar belakang [watermark].
  - Softcopy (jpeg/png – high resolution) disalin ke dalam komputer Urus Setia. Peserta yang menang nanti akan diperlukan untuk menghantar softcopy dalam bentuk psd (Adobe Photoshop).

## **2. Spesifikasi Nama Khas Dan Logo**

- 2.1. Nama khas dan bentuk logo adalah bebas.
- 2.2. Rekaan tidak boleh mengandungi panji-panji Kerajaan Brunei termasuk bendera Negara Brunei Darussalam.
- 2.3. Nama khas dan logo hendaklah tidak menyalahi hukum syara' dan undang-undang dari segi susunan, bentuk, motif dan gambaran.
- 2.4. Nama khas serta logo hendaklah dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Arab dan dalam tulisan Jawi.
- 2.5. Nama Khas di dalam logo hendaklah menggunakan salah satu daripada jenis khat berikut iaitu, Thuluth, Nasakh, Diwani atau Diwani Jali.
- 2.6. Tidak perlu diisikan dengan nama majlis dan tahun Hijrah.
- 2.7. Setiap rekaan hendaklah mengandungi;

### **2.7.1. Nama Khas**

- Nama khas hendaklah mengandungi perkataan Hijrah dalam ejaan tulisan Jawi yang betul.
- Mudah (*simple*), unik (*distinctive*) dan jelas.

### **2.7.2. Logo**

- Logo hendaklah menyelitkan elemen-elemen Islam.
- Menambah dengan menyelitkan elemen-elemen kebruneian adalah satu kelebihan.
- Mudah (*simple*), unik (*distinctive*) dan jelas.

- 2.8. Hanya dua warna sahaja dibenarkan dalam nama khas dan logo tersebut (tidak termasuk warna bendera Negara iaitu kuning, merah, hitam dan putih).
- 2.9. Penggunaan komputer dalam penyediaan/pembentukan nama khas serta logo adalah digalakkan.

### **3. Hadiah dan Saguhati**

- 3.1. Pemenang akan menerima wang tunai sebanyak BND\$5,000.00 [Ringgit Brunei: Lima Ribu sahaja]
- 3.2. 4 X hadiah penghargaan – setiap seorang akan menerima wang tunai sebanyak BND\$1,000.00 [Ringgit Brunei: Seribu sahaja]

### **4. Tempoh Peraduan**

- 4.1. Peraduan ini akan dibukakan bermula pada hari Isnin, 18 Januari 2021M dan tarikh tutup penghantaran hasil ciptaan beserta borang penyertaan yang lengkap diisi pada hari Khamis, 18 Februari 2021M, jam 4.00 petang.
- 4.2. Peserta boleh mendapatkan borang penyertaan peraduan, peraturan dan syarat penyertaan daripada;

**Urus Setia Peraduan Rekacipta Nama Khas dan Logo  
Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah:  
Bahagian Kemajuan Syiar Islam,  
Tingkat 2, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama,  
Jalan Dewan Majlis, BB3910, Berakas,  
Negara Brunei Darussalam**

Atau

**Mengimbas Kod QR**



Atau

**Memuat turun melalui laman sesawang Kementerian  
Hal Ehwal Ugama di [www.kheu.gov.bn](http://www.kheu.gov.bn)**

- 4.3. Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut bolehlah terus menghubungi urus setia peraduan ditalian 2382301/2/3/4/5/6 sambungan 233/234 atau melalui aplikasi *whatsapp* ditalian 8227666 atau melalui email di [syar.islam@mora.gov.bn](mailto:syar.islam@mora.gov.bn) atau Awang Haji Zamady bin Haji Mohammad ditalian 8631432

### **5. Keputusan**

Keputusan hakim adalah muktamad.